



No. Ruj : JPPKK.BIPD.600-1/1/2 (36)
Tarikh : 19 Januari 2022
16 Jamadilakhir 1443H

PENGARAH POLITEKNIK (Lampiran 1)

(u.p. : i. Timbalan Pengarah Akademik

ii. Pegawai ePembelajaran

iii. Pegawai Multimedia dan Sumber)

YBrs. Dr./Tuan/Puan,

**PEMBANGUNAN SUMBER BAHAN DIGITAL BERPUSAT SEBAGAI
SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) JAWATANKUASA eLEARNING
TAHUN 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menetapkan **Pembangunan Sumber Bahan Digital Berpusat** sebagai sasaran kerja bagi tahun 2022. Elemen dan ringkasan SKT tersebut adalah seperti butiran berikut;

BIL.	SKT 2022: PELAKSANAAN PEMBANGUNAN BAHAN DIGITAL BERPUSAT	PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB
i.	Youtube Channel Video PdP sebagai sumber Bahan Digital	Jawatankuasa eLearning yang diketuai oleh Timb. Pengarah Akademik (TPA) dan dibantu oleh Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai eLearning (PeL) dan Pegawai Multimedia dan Sumber (MARO)
ii.	Bahan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) berbentuk Video/ Video 360 (V360)	
iii.	Bahan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) berbentuk eBook	
iv.	Video Pelaporan Aktiviti Politeknik	
v.	Aktiviti sebar luas penggunaan Video PdP dan eBook	

3. Sehubungan itu, semua institusi bertanggungjawab untuk merancang strategi yang terbaik agar dapat melaksanakan dan memenuhi tuntutan perkara di atas sebagai SKT pegawai berkenaan berkuatkuasa tahun 2022. Bersama-

pelaporan SKT seperti di *Lampiran 2* sebagai rujukan dan makluman pihak YBrs. Dr./tuan/puan.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berhubung perkara di atas, pihak YBrs. Dr./tuan/puan boleh berhubung dengan pegawai kami **En. Mohd Ghanim Bin Ghazali** di talian **0166607648 / mohdghanim@mohe.gov.my**. Segala kerjasama dan keprihatinan pihak YBrs. Dr./tuan/puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



ZAINAL AZHAR BIN ZAINAL ABIDIN, PhD
Pengarah
Bahagian Instruksional & Pembelajaran Digital
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

SENARAI POLITEKNIK

1. Pengarah
Politeknik Ungku Omar
Jalan Raja Musa Mahadi
31400 Ipoh, Perak
2. Pengarah
Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah
Semambu
25350 Kuantan, Pahang
3. Pengarah
Politeknik Sultan Abdul Halim
Mu'adzam Shah
Bandar Darulaman
06000 Jitra, Kedah
4. Pengarah
Politeknik Kota Bharu
Km.24, Pangkal Kalong
16450 Ketereh, Kelantan
5. Pengarah
Politeknik Kuching Sarawak
Beg Berkunci 3094, Km 22, Jalan
Matang
93050 Kuching, Sarawak
6. Pengarah
Politeknik Port Dickson
Km. 14 Jalan Pantai
71050 Si Rusa, Negeri Sembilan
7. Pengarah
Politeknik Kota Kinabalu
Jalan Politeknik, Menggatal
88450 Kota Kinabalu, Sabah
8. Pengarah
Politeknik Sultan Salahuddin Abdul
Aziz Shah
Persiaran Usahawan, Seksyen U1
40150 Shah Alam, Selangor
9. Pengarah
Politeknik Ibrahim Sultan
Km. 10, Jalan Kong Kong
81700 Pasir Gudang, Johor
10. Pengarah
Politeknik Seberang Prai
Jalan Permatang Pauh
13500 Permatang Pauh, Pulau
Pinang
11. Pengarah
Politeknik Melaka
No. 2, Jalan PPM 10, Plaza Pandan
Malim
Balai Panjang
75250 Melaka
12. Pengarah
Politeknik Kuala Terengganu
Jalan Sultan Ismail
20100 Kuala Terengganu,
Terengganu
13. Pengarah
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin
KM 8, Jalan Paka
23000 Dungun, Terengganu
14. Pengarah
Politeknik Merlimau
Jalan Jasin
77300 Merlimau, Melaka
15. Pengarah
Politeknik Sultan Azlan Shah
Behrang Stesyen
35950 Behrang, Perak
16. Pengarah
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
Kulim Hi-Tech Park
09000 Kulim, Kedah

17. Pengarah
Politeknik Sultan Idris Shah
Bagan Nakhoda Omar
45100 Sungai Air Tawar, Selangor
18. Pengarah
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin
Pauh Putra
02600 Arau. Perlis
19. Pengarah
Politeknik Muadzam Shah
Lebuhraya Tun Abdul Razak
26700 Muadzam Shah, Pahang
20. Pengarah
Politeknik Mukah
Km 7.5, Jalan Oya
96400 Mukah, Sarawak
21. Pengarah
Politeknik Balik Pulau,
Pinang Nirai, Mukim 6
11000 Balik Pulau, Pulau Pinang
22. Pengarah
Politeknik Jeli
Jalan Raya Timur-Barat
17600 Jeli, Kelantan
23. Pengarah
Politeknik Nilai
Kompleks Pendidikan Bandar Enstek
71760 Bandar Enstek, Negeri
Sembilan
24. Pengarah
Politeknik Banting Selangor
Persiaran Ilmu, Jalan Sultan Abdul
Samad
42700 Banting, Selangor
25. Pengarah
Politeknik Mersing
Jalan Nitar
86800 Mersing, Johor
26. Pengarah
- Politeknik Hulu Terengganu
Bangunan Kedai 3 Tingkat
Majlis Daerah Hulu Terengganu
21700 Kuala Berang, Terengganu
27. Pengarah
Politeknik Sandakan Sabah
Education Hub, Batu 10, Jalan Sungai
Batang
90000 Sandakan, Sabah
28. Pengarah
Politeknik METrO Kuala Lumpur
No2-4, Jalan Setiawangsa 10
Taman Setiawangsa
54200 Kuala Lumpur
29. Pengarah
Politeknik METrO Kuantan
No. A-5, Jalan Tun Ismail 2, Sri
Dagangan II
25000 Kuantan, Pahang
30. Pengarah
Politeknik METrO Johor Bahru
No.64 Jalan Suria 19, Taman Putra
81100 Johor Bahru, Johor
31. Pengarah
Politeknik METrO Betong Sarawak
1/12 Phase 2 Betong New Town Ship
Jalan Baru Betong
96700 Betong, Sarawak
32. Pengarah
Politeknik METrO Tasek Gelugor
No.25 Jalan Komersial 2, Pusat
Komersial
Tasek Gelugor
13300 Tasek Gelugor, Pulau Pinang
33. Pengarah
Politeknik Tun Syed Nasir Syed Ismail
Hub Pendidikan Pagoh, KM 1 Jalan
Panchor
84600 Pagoh, Johor

34. Pengarah
Politeknik Besut Terengganu
Lot 7222 Kampung Raja
22200 Besut, Terengganu
35. Pengarah
Politeknik Bagan Datuk
No1, Pt 8121, Lorong Lagenda 1
Medan Niaga Lagenda
36400 Hutan Melintang Perak
36. Pengarah
Politeknik Tawau Sabah
D/A IPG Kampus Tawau
KM36, Jalan Balung
91009 Tawau, Sabah

KAMUS SKT TAHUN 2022

TAJUK:

Pembangunan Sumber Bahan Digital Berpusat.

1.0 PENYATAAN SKT

- 1.1 Keperluan sumber Bahan Digital menjadi keutamaan aktiviti Pembelajaran dan Pengajaran Dalam Talian (PdPDT). Bahan Digital yang pelbagai, memenuhi kehendak kurikulum dan mudah dicapai akan membawa kepada aktiviti PdPDT yang cemerlang dan lancar.
- 1.2 Bahan Digital membawa maksud sebarang kandungan yang wujud dalam bentuk data digital. Ianya termasuklah slide nota, video tutorial, video PdP, infografik dan sebagainya.
- 1.3 Institusi dimestikan untuk memperkayakan sumber bahan digital bagi tujuan untuk menyokong setiap PdPDT Institusi melalui platform Youtube Channel PdP.
- 1.4 Setiap Program yang ditawarkan oleh Politeknik perlu membangunkan koleksi Video PdP berpusat dan boleh dikongsi secara terbuka kepada sesiapa yang memerlukannya. Aktiviti ini juga perlu disebar luas agar penggunaan dapat dimanfaatkan oleh warga Politeknik dan Kolej Komuniti.
- 1.5 Jawatankuasa ePembelajaran di bawah pimpinan TPA adalah bertanggungjawab menyelaras dan menjayakan pelaksanaan Pembangunan Sumber Bahan Digital Berpusat.
- 1.6 SKT ini diambil kira bahan yang dibangunkan sepanjang tahun dan berakhir pada 1hb November bagi tahun tersebut.
- 1.7 Manakala pematuhan SKT bagi PBT, PTS dan PBD adalah bergantung kepada arahan semasa Pengarah institusi mengikut kesediaan tenaga kerja dan fasiliti.
- 1.8 Berikut adalah perkara yang diambil kira bagi pelaksanaan Pembangunan Sumber Bahan Digital Berpusat sebagai SKT Tahun 2021;
 - a. **KOMPONEN 1:** Youtube Channel Video PdP sebagai sumber Bahan Digital.
 - b. **KOMPONEN 2:** Bahan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) berbentuk Video/Video 360 (V360).
 - c. **KOMPONEN 3:** Bahan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) berbentuk eBook.
 - d. **KOMPONEN 4:** Video Pelaporan Aktiviti Politeknik.
 - e. **KOMPONEN 5:** Aktiviti sebar luas penggunaan Video PdP dan eBook.

2.0 DEFINISI OPERASI

2.1 Definisi Operasi SKT Youtube Channel Video PdP Institusi sebagai sumber Bahan Digital

- a. Youtube Channel Video PdP merupakan Sistem Repositori berpusat yang mengumpulkan bahan PdP berbentuk digital untuk kemudahan warga Politeknik.
- b. Bahan PdP yang disimpan merupakan Bahan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) berbentuk Video/Video 360 (V360) asli yang dihasilkan oleh Politeknik.
- c. Youtube Channel Video PdP mengambilkira mana-mana Platform Youtube baharu mahupun sediada.
- d. Youtube Channel Video PdP yang dibangunkan perlu mempunyai nilai-nilai promosi untuk tujuan pembudayaan penghasilan dan perkongsian bahan digital. Ini termasuklah video promosi dan banner Youtube Channel tersebut.
- e. Youtube Channel Video PdP perlu menetapkan senarai pemain/playlists, mengikut jumlah bilangan setiap Jabatan Akademik, Jabatan Pengajian Am (JPA), dan Jabatan Matematik, Sains & Komputer (JMSK) yang ditawarkan oleh Politeknik.
- f. Garis Panduan Pembangunan Youtube Channel Video PdP adalah merujuk kepada garis panduan terkini yang dikeluarkan oleh BIPD.

2.2 Definisi Operasi SKT Bahan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) berbentuk Video/ Video 360 (V360)

- a. Bahan PdP berbentuk video merupakan video tunjuk ajar atau syarahan mikro atau temubual mengenai sebarang topik yang berkaitan dengan kurikulum semasa atau sebarang pertandingan.
- b. Manakala bahan PdP berbentuk Video 360 (V360) yang dihasilkan perlu menepati pengalaman sebenar secara maya/virtual kepada pelajar.
- c. Bahan PdP ini mesti mencapai '*Learning Outcome*' (LO) kursus dan Bahasa pengantar adalah di dalam Bahasa Inggeris atau mengikut dokumen kurikulum (jika dokumen kurikulum dalam Bahasa Melayu perlu ada *subtitle* dalam Bahasa Inggeris).
- d. Bilangan bahan PdP yang perlu dibangunkan adalah seperti butiran berikut;
 - i. Satu (1) bahan bagi setiap Program yang ditawarkan oleh Jabatan Akademik Politeknik.
 - ii. Satu (1) bahan bagi JPA dan JMSK.

- e. Kriteria bahan PdP adalah seperti berikut:
 - i. Durasi video PdP antara 2-15 minit sahaja. Contohnya, video teori, video demonstrasi amali, video temubual industri dll.
 - ii. Manakala video 360 (V360), durasinya maksima adalah 5 minit sahaja.
- f. Garis Panduan Pembangunan Bahan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) berbentuk Video/ Video 360 (V360) adalah merujuk kepada garis panduan terkini yang dikeluarkan oleh BIPD.

2.3 Definisi Operasi SKT Bahan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) berbentuk eBook

- a. Manakala eBook pula ianya merupakan bahan PdP berbentuk senaskah buku rujukan digital yang boleh diguna pakai oleh pelajar untuk mengulang kaji.
- b. Bilangan bahan eBook yang perlu dibangunkan adalah seperti butiran berikut;
 - i. Satu (1) bahan bagi setiap Program yang ditawarkan oleh Jabatan Akademik Politeknik.
 - ii. Satu (1) bahan bagi JPA dan JMSK.
- c. Garis Panduan Pembangunan Bahan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) berbentuk eBook adalah merujuk kepada garis panduan terkini yang dikeluarkan oleh BIPD.

2.4 Definisi Operasi SKT Video Pelaporan

- a. Video pelaporan adalah video berita pendek berdurasi 1 – 5 minit yang menceritakan sesuatu peristiwa atau agenda atau aktiviti rasmi berimpak tinggi melibatkan warga politeknik. (Contoh: Video Pelancaran COT, Video NOU bersama industri, Video Inisiatif Green Poli).
- b. Bahasa pengantar adalah di dalam Bahasa Inggeris atau mengikut format aktiviti (jika format aktiviti dalam Bahasa Melayu, perlu ada sarikata dalam Bahasa Inggeris).
- c. Pegawai yang bertanggungjawab menyelaras dan memberi khidmat nasihat bagi SKT ini di peringkat politeknik adalah Pegawai Multimedia dan Sumber.
- d. Garis Panduan Pembangunan Video Pelaporan adalah merujuk kepada garis panduan terkini yang dikeluarkan oleh BIPD.

2.5 Definisi Operasi SKT Menyebarluas Penggunaan Video PdP dan eBook Melalui Poster/Infografik

- a. Menyebarluas penggunaan Video PdP dan eBook mengambilkira aktiviti pembangunan poster/infografik mengenai amalan penggunaan sumber bahan digital yang dibangunkan melalui Youtube Channel Video PdP yang telah dibangunkan.
- b. Kaedah menyebarluas adalah bergantung kepada Politeknik.

3.0 SASARAN

3.1 Youtube Channel Video PdP sebagai sumber Bahan Digital

Sasaran bahan PdP yang perlu dibangunkan adalah seperti berikut:

- a. Politeknik Premier & APACC: 1 Youtube Channel
- b. Politeknik Konvensional: 1 Youtube Channel
- c. Politeknik METrO: 1 Youtube Channel

3.2 Bahan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) berbentuk Video / Video 360 (V360) dan eBook

Sasaran bahan PdP yang perlu dibangunkan adalah seperti berikut:

- a. Politeknik Premier & APACC:
 - Video PdP : 1 rakaman video bagi setiap program yang ditawarkan
 - eBook : 1 naskah buku bagi setiap program yang ditawarkan
- b. Politeknik Konvensional:
 - Video PdP : 1 rakaman video bagi setiap program yang ditawarkan
 - eBook : 1 naskah buku bagi setiap program yang ditawarkan
- c. Politeknik MeTRO:
 - Video PdP : 1 rakaman video bagi setiap program yang ditawarkan
 - eBook : 1 naskah buku bagi setiap program yang ditawarkan

3.3 Video Pelaporan

Sasaran video yang perlu dibangunkan adalah seperti berikut:

- a. Politeknik Premier & APACC: 1 rakaman video bagi setiap institusi
- b. Politeknik Konvensional: 1 rakaman video bagi setiap institusi
- c. Politeknik METrO: 1 rakaman video bagi setiap institusi

3.4 Menyebarluas penggunaan Video PdP dan eBook

Sasaran Poster dan Infografik yang perlu dibangunkan adalah seperti berikut:

- a. Politeknik Premier & APACC:
 - Poster/Infografik = 3 helaian bagi setiap institusi
- b. Politeknik Konvensional:
 - Poster/Infografik = 3 helaian bagi setiap institusi
- c. Politeknik MeTRO:
 - Poster/Infografik = 3 helaian bagi setiap institusi

4.0 KAEDAH PENGUKURAN:

4.1 Bahan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) berbentuk Video / Video 360 (V360)

“Bilangan Bahan Digital sekurang-kurangnya satu (1) bahan bagi setiap Program yang ditawarkan oleh Institusi.”

Contoh:

i. Jabatan Akademik - Bahan Video PdP:

- Nama Politeknik: Politeknik XX
- Nama Youtube Channel PdP: PdP PXX
- Bilangan Jabatan:
 - $JKA+JKE+JKM=3$
- Bilangan Program:
 - $JKA=DPB+DKA+DBK=3$
 - $JKE = DKE+DKP+DKI=3$
 - $JKM = DKM+DKP+DKR=3$
 - Bilangan Program yang ditawarkan oleh PXX = $3+3+3 = 9$ program
- Maka bilangan bahan digital yang perlu dihasilkan oleh Jabatan Akademik adalah;
= (Jumlah Program yang ditawarkan) X 1 bahan
= $9 \times 1 = 9$ bahan

ii. Jabatan Akademik (Asas) - JPA dan JMSK - Bahan Video PdP:

- JPA – 2 bahan
- JMSK – 2 bahan
- Maka bilangan bahan digital yang perlu dihasilkan oleh Jabatan Akademik (Asas) adalah;
= $2 + 2 = 4$ bahan

iii. Jumlah keseluruhan Video PdP yang perlu dihasilkan oleh institusi:

- = Jabatan Akademik + Jabatan Akademik (Asas)
- = $9 + 4 = 13$ bahan

- Bilangan Jabatan:
 - $JKA+JKE+JKM=3$
- Bilangan Program:
 - $JKA=DPB+DKA+DBK=3$
 - $JKE = DKE+DKP+DKI=3$
 - $JKM = DKM+DKP+DKR=3$
 - Bilangan Program yang ditawarkan oleh PXX = $3+3+3 = 9$ program
- Maka bilangan bahan digital yang perlu dihasilkan oleh Jabatan Akademik adalah;
 - = (Jumlah Program yang ditawarkan) X 1 bahan
 - = $9 \times 1 = 9$ bahan

ii. Jabatan Akademik (Asas) - JPA dan JMSK – eBook

- JPA – 2 bahan
- JMSK – 2 bahan
- Maka bilangan bahan digital yang perlu dihasilkan oleh Jabatan Akademik (Asas) adalah;
 - = $2 + 2 = 4$ bahan

iii. Jumlah keseluruhan eBook yang perlu dihasilkan

= Jabatan Akademik + Jabatan Akademik (Asas)
 = $9 + 4 = 13$ bahan

5.0 Ringkasan Pelaksanaan Pembangunan Sumber Bahan Digital Berpusat

KOMPONEN	KUANTITI 2022	PERINCIAN	TEMPOH
Youtube Channel Video PdP sebagai sumber Bahan Digital.	1	1 channel bagi setiap Politeknik	SKT ini diambilkira bahan yang dibangunkan sepanjang tahun dan berakhir pada 1hb November bagi tahun tersebut.
Bahan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) berbentuk Video/Video 360 (V360).	1	Video PdP/Video 360 by program	
Bahan Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) berbentuk eBook.	1	eBook bagi setiap program	Pematuhan SKT bagi PBT, PTS dan PBD adalah bergantung kepada arahan semasa Pengarah institusi mengikut
Video Pelaporan Aktiviti Politeknik.	1	Aktiviti Politeknik bagi setiap Politeknik	

Aktiviti sebar luas penggunaan Video PdP dan eBook.	3	3 Poster/Infografik bagi setiap Politeknik	kesediaan tenaga kerja dan fasiliti.
---	---	--	--------------------------------------

6.0 Kaedah Pelaporan

- 6.1 Pegawai bertanggungjawab perlu membuat pelaporan pencapaian SKT Tahun 2022 di pautan yang akan dimaklumkan melalui website www.celt.edu.my.
- 6.2 Unit Pembelajaran Digital (UPD), Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital (BIPD) merupakan unit yang bertanggungjawab dalam memantau pencapaian SKT Tahun 2022 seperti di atas.